BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 05/11/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 18 Mei 2011

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2011

TINJAUAN KESELURUHAN

Momentum pertumbuhan terus mampan pada suku pertama 2011

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% pada suku pertama 2011 (S4 10: 4.8%). Permintaan dalam negeri yang berkembang telah disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi manakala permintaan luar negeri juga mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada suku tersebut disebabkan terutamanya oleh permintaan serantau terhadap keluaran komoditi dan keluaran bukan E&E. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama, kecuali sektor komoditi utama, terus berkembang pada suku tersebut, meskipun pada kadar yang lebih sederhana.

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 6.6% pada suku pertama (S4 10: 5.9%), disokong terutamanya oleh peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta dan penggunaan sektor awam. Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh 6.7% (S4 10: 6.4%) ekoran keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, sentimen pengguna yang positif dan peningkatan dalam pendapatan yang berterusan. Penggunaan awam meningkat sebanyak 6.1% (S4 10: 0.1%), disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Pertumbuhan dalam pembentukan modal tetap kasar (6.5%; S4 10: 10%) didorong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dalam keadaan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi dan pelaksanaan projek pelaburan modal yang telah dirancang. Pelaburan modal sektor awam disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan, pendidikan dan perindustrian.

Dari segi penawaran, sebahagian besar sektor ekonomi utama terus berkembang pada suku pertama. Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan kekal mampan pada kadar 5.9% (S4 10: 6.1%) dengan kebanyakan subsektor mencatat pertumbuhan yang menggalakkan, disokong oleh keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang bertambah baik. Sektor perkilangan berkembang sebanyak 5.4% (S4 10: 6.2%) disokong terutamanya oleh

pertumbuhan dalam industri yang berorientasikan eksport dan prestasi yang mampan dalam industri berorientasikan dalam negeri terpilih. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan 3.8% (S4 10: 5.6%), disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam kesemua subsektor. Pengeluaran sektor pertanian menurun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak -0.3% pada suku pertama (S4 10: -3.9%), mencerminkan pengeluaran minyak sawit yang merosot disebabkan oleh keadaan cuaca yang terus tidak memuaskan. Sementara itu, sektor perlombongan terus menguncup sebanyak 3% (S4 10: -1.2%) berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah ekoran penyelenggaraan terjadual dan kerja-kerja naik taraf.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index, CPI), meningkat pada kadar tahunan 2.8% pada suku pertama 2011 (S4 10: 2.0%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga komoditi dan makanan global. Kenaikan harga pengguna sebahagian besarnya disumbangkan oleh kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* yang meningkat sebanyak 4.3% (S4 10: 2.9%). Harga bagi kategori *pengangkutan* juga mencatat kenaikan sebanyak 4.4% (S4 10: 2.5%) pada suku pertama disebabkan pelarasan harga bagi harga RON97 pada bulan Januari dan Februari berikutan harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi.

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan meningkat kepada RM36.1 bilion pada suku pertama (S4 10: RM25.5 bilion). Kedua-dua eksport dan import kasar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh masing-masing sebanyak 7.5% dan 12.4% (S4 10 masing-masing: 3.4% dan 10.1%). Pertumbuhan lebih kukuh dalam eksport mencerminkan pertumbuhan menyeluruh kesemua sektor eksport utama, khususnya eksport perkilangan, yang telah kembali mencatat pertumbuhan positif. Import barangan pengantaraan meningkat disebabkan oleh peningkatan eksport perkilangan dan ini menyumbang kepada kadar peningkatan yang lebih cepat dalam import kasar.

Pada asas tunai, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (Foreign Direct Investment, FDI)[1] berjumlah RM7.8 bilion pada suku pertama selepas mencatat jumlah yang amat besar sebanyak RM13 bilion pada suku keempat 2010. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih juga lebih rendah pada RM4.6 bilion (S4 10: +RM8.6 bilion). Aliran masuk FDI kasar disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan. Pelaburan langsung luar negeri (Direct Investment Abroad, DIA)* oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM3.8 bilion pada suku pertama (S4 10: -RM3.9 bilion), mencerminkan terutamanya aliran keluar modal ekuiti yang lebih rendah, yang lebih daripada mengimbangi pemberian pinjaman bersih antara syarikat yang lebih besar kepada syarikat subsidiari di luar negeri. Sebahagian besar pelaburan dibuat oleh syarikat dalam sektor kewangan dan insurans, perkhidmatan perniagaan dan industri komunikasi dalam sektor perkhidmatan. Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih nyata sebanyak RM4.7 bilion pada

* Statistik bagi FDI dan DIA pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

suku pertama (S4 10: + RM3.3 bilion), mencerminkan penyertaan asing yang lebih menggalakkan dalam pasaran modal dalam negeri, terutamanya dalam pasaran hutang.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM344.5 bilion (bersamaan dengan USD113.8 bilion) pada 31 Mac 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 29 April 2011, kedudukan rizab berjumlah RM393.2 bilion (bersamaan dengan USD130 bilion), memadai untuk membiayai 9.3 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 2.75% pada suku pertama 2011. Pada 5 Mei 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus selaras dengan tahap dasar monetari yang akomodatif. Pada kadar OPR semasa ini, pendirian dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan.

Kadar antara bank semalaman purata adalah stabil dan bergerak dalam julat 2.67% hingga 2.75% pada tempoh 1 Januari - 31 Mac 2011. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (Fixed Deposit, FD) purata bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan dan kadar pinjaman (average lending rate, ALR) purata untuk pinjaman terkumpul adalah stabil.

Pada suku pertama, keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi. Akses yang berterusan kepada pembiayaan dalam sistem kewangan menyokong permintaan terhadap pembiayaan daripada sektor swasta. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal mampan pada RM202 bilion pada suku pertama (S4 10: RM221 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 12.5% pada akhir bulan Mac (S4 10: 11.3%). Penunjuk-penunjuk pinjaman utama terus kukuh pada suku pertama.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal oleh kedua-dua sektor awam dan swasta berjumlah RM29.7 bilion (S4 10: RM30.5 bilion). Sejumlah besar dana diperoleh melalui terbitan sektor awam bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysia Government Securities, MGS) 10.5 dan 3.5 tahun, dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 7.5 tahun dan 3.5, serta pembukaan semula MGS 5.5 tahun.

Agregat monetari terus berkembang pada kadar yang mampan pada suku pertama. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

tahunan yang lebih cepat sebanyak 8.2% pada akhir bulan Mac 2011 (akhir bulan Disember 2010: 7.0%).

Bagi keseluruhan suku pertama, ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Prospek pertumbuhan yang positif di Asia berbanding dengan ekonomi maju telah mendorong minat pelabur terhadap ekonomi serantau, yang terus menyokong ringgit dan mata wang serantau. Pengumuman angka-angka yang lebih baik daripada jangkaan bagi pertumbuhan KDNK dalam negeri pada suku keempat juga mendorong pengukuhan ringgit. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan yen Jepun (3.5%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-4.6%) dan paun sterling (-1.8%). Dalam tempoh antara 1 April hingga 16 Mei 2011, ringgit menyusut nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-2.4%), euro (-0.1%) dan paun sterling (-0.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai dalam julat -0.4% hingga -2.0% disebabkan oleh faktor khusus di negara-negara lain yang menyebabkan mata wang di negara-negara tersebut menambah nilai dengan lebih cepat berbanding dengan ringgit.

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Kestabilan sistem kewangan berterusan, disokong oleh sektor kewangan yang berdaya tahan dan pasaran kewangan yang fungsi dengan baik yang terus memberikan sokongan kepada pengantaraan kewangan dalam ekonomi dalam negeri. Pada suku tersebut, daya tahan sektor kewangan diperkukuh oleh tahap pendedahan risiko yang terurus. Daya tahan sektor ini ditunjukkan melalui paras permodalan yang kukuh, keuntungan yang nyata dan kualiti aset yang stabil. Nisbah modal teras dan modal wajaran risiko sektor perbankan masing-masing pada 12.7% dan 14.3% manakala nisbah kecukupan modal sektor insurans kekal kukuh pada 225.7%. Bagi memperkukuh lagi kedudukan sektor isi rumah dan kestabilan sistem kewangan, Bank memperkenalkan beberapa langkah dasar pada suku tersebut. Ini termasuk penerbitan Garis Panduan baharu untuk Kad Kredit, meningkatkan caj modal bagi pinjaman perumahan yang mempunyai nisbah *loan-to-value* melebihi 90% dan bagi pembiayaan peribadi jangka panjang, yang bertujuan untuk menggalakkan amalan pinjaman yang bertanggungjawab oleh institusi kewangan terutamanya bagi pembiayaan runcit. Program pendidikan kewangan yang dikenali sebagai Program POWER! juga telah diperkenalkan bagi meningkatkan tahap celik kewangan.

Pertumbuhan ekonomi dalam negeri dijangka berterusan dalam keadaan ketidakpastian ekonomi global yang meningkat

Pemulihan ekonomi global terus bertambah kukuh pada suku pertama tahun ini. Namun begitu, pertumbuhan masih nyata tidak seimbang. Beberapa perkembangan terkini dalam persekitaran ekonomi global dan sistem

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

kewangan antarabangsa telah menunjukkan kelemahan pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, jika harga komoditi yang lebih tinggi berterusan hingga ke suatu tempoh yang agak lama, keadaan fiskal menjadi lebih buruk dalam ekonomi maju dan kemungkinan terdapatnya gangguan bekalan global berikutan perkembangan di Jepun, risiko pertumbuhan yang lebih rendah mungkin meningkat. Prospek pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun terus positif. Walau bagaimanapun, ekonomi-ekonomi ini menghadapi cabaran yang semakin meningkat ekoran tekanan inflasi yang makin tinggi dan aliran modal yang kekal besar dan tidak menentu.

Pertumbuhan yang mampan pada suku pertama mencerminkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil, yang disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan dalam keadaan permintaan luar negeri yang bertambah baik berikutan eksport komoditi yang lebih tinggi dan permintaan serantau yang lebih kukuh. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan dijangka berterusan. Pertumbuhan penggunaan swasta akan terus meningkat, ekoran keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan terdapatnya peningkatan dalam pendapatan, manakala pelaburan swasta dijangka terus bertambah kukuh berikutan prospek ekonomi dalam negeri yang lebih baik dan industri pertumbuhan baharu yang terus berkembang. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, ekonomi dalam negeri mungkin terjejas oleh perkembangan dalam persekitaran global. Namun, asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan dasar yang fleksibel telah meningkatkan daya tahan dan keupayaan negara untuk menguruskan cabaran-cabaran ini.

Bank Negara Malaysia
18 Mei 2011

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my